

MAOC adakan Konvoi Amal Ramadan di RayaKL

ug 7.6.2018 A5
KOTAKINABALU: Konvoi Amal Ramadan My Alza Owner's Club (MAOC) yang dianjurkan oleh krunya di negeri ini, Sabah State Crew (SASC) meredah perjalanan beratus kilometer untuk menyerahkan sumbangan dana baju raya dan iftar bersama di Rumah Anak Yatim dan Asnaf Kampung Langsat Ranau.

Cuaca yang tidak menentu tidak menghalang kru MAOC untuk meneruskan Konvoi Amal Ramadan, iaitu aktiviti tahunan anjuran kelab itu untuk golongan asnaf yang kurang berkemampuan.

Seramai 33 ahli terlibat dalam penghantaran sumbangan pada kali ini. Antara objektif program adalah mengumpul dana untuk membeli baju raya bagi penghuni Rumah Anak yatim dan Asnaf Kampung Langsat (RayaKL) Ranau.

Seramai 30 pelajar RayaKL diraikan dalam program itu, yang berjaya menarik perhatian pihak luar termasuklah Persatuan Pascasiswazah UMS yang turut mengambil bahagian dalam pengumpulan sumbangan.

Tidak kurang juga sambutan daripada orang persendirian yang turut menghulurkan sumbangan. Sebanyak RM5290 berjaya dikumpul hasil sumbangan semua pihak.



PENGHUNI Rumah Anak Yatim dan Asnaf Kampung Langsat.



ANTARA rombongan MAOC.

Ia sekaligus mencapai sasaran untuk memberi dana baju raya RM100 setiap seorang pelajar.

Selain itu juga, sebanyak RM1,238 hasil sumbangan pelajar UMS sendiri digunakan sepenuhnya untuk membeli barang keperluan seperti makanan dan cenderahati untuk penghuni RayaKL.

Penyerahan wang tunai berjumlah RM4,010 disampaikan oleh Ketua Wilayah Borneo MAOC Rozman Latif kepada Pengurus RayaKL, Ustaz Hainin. Seterusnya penyerahan replika barang bernilai RM1,238 barang keperluan disampaikan oleh wakil pelajar UMS, Rabbiatul Adawiyah Amilbangsa yang juga Setiausaha MAOC Kota Kinabalu kepada Penjaga



PENYERAHAN replika barang bernilai RM1,238 daripada Rabbiatul Adawiyah Amilbangsa mewakili pelajar Pascasiswazah UMS.

RayaKL, Puan Kasih.

Sumbangan duit raya dan cenderahati pulak disampaikan oleh Ketua MAOC Negeri Sabah, Mohammad Noor Majid.


Sementara menunggu berbuka, semua kru bergotong royong membersihkan halaman sekitar RayaKL dan menyediakan persiapan



(gambar kiri) ANAK-anak RayaKL bergambar bersama rombongan.



PEMBERIAN replika cek wang tunai RM4,010 daripada Rozman.



(gambar atas) PENGAGIHAN duit raya kepada warga RayaKL daripada Nur Agency Insurance dan orang perseorangan.

(gambar kiri) ANAK-anak RayaKL bergambar bersama rombongan.

berbuka, dan selepas itu solat berjemaah.

Kira-kira jam 7.30 malam, konvoi bergerak balik semula ke daerah masing-masing.